

Gambar di bawah menunjukkan kaedah untuk berjaya dalam pelajaran. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.

KAEDAH UNTUK BERJAYA DALAM PELAJARAN



Berjaya dalam pelajaran membuka peluang yang lebih besar untuk murid-murid mencapai impian yang dicita-citakan. Jadi murid-murid perlu berusaha untuk berjaya.

- ☐ Kerap mengulang kaji pelajaran
- ☐ Memberikan perhatian ketika guru mengajar
- ☐ Mengikuti kelas tambahan/ tuisyen



Scanned by TapScanner

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk berjaya dalam _____ kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang _____.

Lantaran itu, kita perlu kerap mengulangkaji pelajaran. Cara ini memudahkan kita mengingat sesuatu _____ yang telah dipelajari. Selain itu, kita mesti menumpukan sepenuh perhatian ketika _____ mengajar. Fokus yang diberikan akan membuatkan kita mudah memahami setiap perkara yang diajar. Seterusnya, kita boleh mengikuti kelas tambahan. Selain kelas tambahan yang berbayar di luar, pihak sekolah turut mengadakan kelas tambahan untuk pelajar yang akan menghadapi _____.

Namun, doa juga perlu seiring dengan _____ agar kejayaan menjadi kenyataan.

peperiksaan	topik	melayang
usaha	guru	pelajaran